

Masalah Doa Malam Nisfu Sha‘abān

Sekarang kita sudah berada di dalam bulan Sha‘abān. Menurut tradisi dari sejak zaman berzaman, dalam masa tidak berapa hari lagi kita umat Islam akan menyambut pula kedatangan suatu malam mulia, suatu malam pujaan yang dinanti-nanti seluruh umat Islam di seantero dunia iaitu “Malam Nisfu Sha‘abān”.

Pada malam itu di masjid-masjid, di surau-surau dan di rumah-rumah Islam akan diadakan suatu majlis sederhana, iaitu majlis membaca Yāsīn dengan diiringi pula membaca doa khas yang dinamakan “Doa Nisfu Sha‘abān.”

Ayat-ayat dan jumlah-jumlah kata yang terkandung di dalam “Doa Nisfu Sha‘abān” itu menjadi dasar perbalahan di kalangan para alim ulama Islam pada hari ini. Marilah kita meninjau agak sejenak pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh dua golongan ulama di dalam masalah ini. – Pengarang.

(Oleh Abdul Aziz Al-Murshidi)

Doa adalah Ibadah:

Pada tiap-tiap tahun menjelang tibanya bulan Sha‘abān sering terjadi perbalahan di kalangan ahli-ahli agama mengenai “Doa Malam Nisfu Sha‘abān” perbalahan ini kadang-kadang berlaku di dalam majlis-majlis forum agama, di ruangan akhbar atau majalah dan ada kalanya berlaku di dalam masjid-masjid di mana majlis membaca doa Nisfu Sha‘abān itu diadakan. Dengan ini ternyatalah bahawa soal menentukan cara membaca doa di dalam Nisfu Sha‘abān” itu masih lagi menjadi suatu soal yang belum dapat dijawab dengan tepat dan tegas oleh para ulama Islam hingga ke hari ini. Namun bagi orang-orang biasa yang tidak tahu menahu punca masalah ini diperbalahkan, mereka terus juga mengadakan majlis-majlis membaca “Doa Nisfu Sha‘abān” apabila tiba masanya pada setiap tahun.

Yang sebenarnya soal yang dijadikan perbincangan hangat dikalangan para ulama Islam itu bukanlah soal berdoa

dengan secara umum, kerana doa itu pada hakikatnya termasuk di dalam erti kata “ibadat” yang memang disuruh dan digalakkan oleh Islam. Kebanyakan daripada orang-orang Islam – di hari ini - selalu bermohon doa ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* setelah apa yang diusahakan oleh tenaganya sendiri untuk mencapai sesuatu maksud yang dicita-citakannya itu tidak berhasil. Dalam erti kata yang lebih tegas lagi, setelah segala rancang usaha yang dijalankannya dengan bersendirian itu bertemu dengan jalan buntu atau kegagalan. Pada ketika itu baharulah ia teringat kepada Zat yang lebih berkuasa iaitu Allah *al-‘Alīy al-Qadīr* yang mempunyai kekuasaan besar untuk menolong sesiapa sahaja makhluk yang dikehendaki-Nya. Pada saat itu ia lantas menadahkan kedua telapak tangannya ke langit bermunajat atau berdoa apa yang diminta dengan harapan semoga apa yang dihajatnya dalam doanya itu akan diterima dan dikabulkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā*.

Kesimpulannya, berdoa dengan dengan secara umum itu tidaklah menjadi perselisihan atau perbalahan di kalangan para ulama Islam dari mana-mana aliran mazhab jua pun. Mereka semua sepakat mengatakan bahawa doa adalah sejenis ibadat yang memang disuruh dan digalakkan oleh Allah dan Rasul-Nya, sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* : “*al-Du‘ā’ mukhu al-‘ibādah*” ertinya; “Doa itu adalah otak (kepala) ibadah.” Sabdanya lagi: “*Man lam yas‘ali Allāh yaghḍab ‘alayh*” ertinya: “Sesiapa yang tidak mahu meminta (berdoa) kepada Allah, maka Allah murka ke atasnya. Ini ditegaskan pula oleh Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* dengan firman-Nya yang berbunyi “*Qāla Rabbukum ‘ud ‘ūnī astajib lakum*”. Ertinya : “Telah berfirman Tuhan kamu berdoaalah kepadaKu nescaya Aku perkenankan permintaan kamu itu.” Jadi dengan keterangan dari kedua-dua hadith dan ayat yang tersebut, jelaslah bahawa berdoa kepada Allah itu memang suatu

...Doa Nisfu Sha‘abān

perkara yang disuruh dan digalakkan oleh Islam.

Pokok Perbalahan:

Tetapi yang menjadi pokok perbalahan dan persengketaan dikalangan para ulama Islam pada hari ini mengenai “Doa Nisfu Sha‘abān” itu ialah tentang sebahagian daripada lafaz atau jumlah kata yang terkandung di dalam doa tersebut. Ada pun lafaz “Doa Nisfu Sha‘abān” yang dipersengketakan itu berbunyi:

“... *Allahuma in kunta katabtanī ‘indaka fī ummi al-kitāb shaqiyyān aw mahrumān aw maṭrūdān aw muqtarā ‘alayya fī al-rizqi, fāmḥu. Allahumma bifaḍlika shaqāwatī waṭarḍī waḥirmānī waqtāra rizqī, wa’athbitnī ‘indaka fī ummi al-kitāb sa ‘idā marzūqān muwaffaqān lilkhayrāt, fainnaka qulta waqawluha al-haqq fī kitābika al-munzali ‘alā lisāni nabiyyika al-mursal: (yamḥu Allāh mā yashā ‘u wayathbit wa ‘indahū ummu al-kitāb).*”

Maksudnya : “Ya Allah! Sekiranya Engkau telah tuliskan bagiku di sisiMu di dalam Ummu al-Kitāb (asli yang tidak berubah apa yang tertulis dari azali), akan kecelakaan atau kepapaan hidup atau terusir (terhina) atau kesempitan rezeki, maka hapuskanlah ya Allah dengan kelebihanMu (belas ihsanMu) akan kecelakaanku dan kehinaanku dan kepapaan hidupku dan kesempitan rezekiku, dan tetapkankah nasibku di sisiMu, di dalam Ummu al-Kitāb akan kebahagiaan, murah

rezeki dan dilimpahi dengan kebaikan.

Maka sesungguhnya Engkau telah berfirman dan firmanMu itu adalah benar (sebagaimana tercatat) di dalam kitab (al-Qur‘ān) yang engkau turunkan melalui lidah NabiMu (Saiyidina Muhammad) yang diutus: (Allah menghapuskan apa yang dikehendaki-Nya dan menetapkannya pada sisi-Nya ummu al-kitāb).”

Pendapat Ulama yang Menentang

Golongan ulama Islam yang menentang lafaz “Doa Nisfu Sha‘abān” yang dibentangkan di atas mereka mengatakan : “Kebahagiaan, kecelakaan, pembahagian rezeki dan ajal maut seseorang makhluk yang telah ditetapkan Tuhan dari alam azali itu tidak akan berubah hingga ke akhir hayat masing-masing. Mereka mentafsirkan ayat (*yamḥu Allāh mā yashā ‘u wayathbit wa ‘indahū ummu al-kitāb*) dengan makna: “Bahawa Allah menghapuskan (membatalkan) sesuatu hukum yang dikehendaki-Nya dan menetapkan (mengekalakan) sesuatu hukum yang dikehendaki-Nya dengan bertaubat dan menggantikannya dengan kebajikan atau ia hanya menghapuskan sesuatu perkara yang bersangkutan dengan ibadat sahaja. Ada pun tentang kebahagiaan, kecelakaan, pembahagian rezeki dan ajal maut seseorang yang telah ditetapkan Allah dari alam azali itu sekali-kali tidak boleh berubah, ia akan tetap berlaku sebagaimana yang telah ditentukan. Jadi apa gunanya meminta sesuatu perkara yang telah ditetapkan oleh Tuhan di alam azali itu? – kata mereka.

Pendapat Ulama yang Bersetuju:

Tetapi pendapat kebanyakan ulama tafsir adalah bertentangan dengan pendapat

golongan ulama yang menentang lafaz “Doa Nisfu Sha‘abān” itu. Mereka mengatakan kalimah *al-maḥū* (pengapusan) dan *al-ithbāt* (penetapan) yang dituju oleh ayat di atas adalah meliputi semua perkara termasuk kebahagiaan, kecelakaan, pembahagian rezeki dan ajal maut seseorang makhluk yang hidup di muka bumi ini. Tegasnya nasib seseorang hamba Allah itu sama ada bahagia atau pun celaka, senang atau pun papa boleh berubah-ubah jika dikehendaki Allah, bahagian rezeki seseorang itu boleh bertambah dan berkurang dan begitu pula ajal maut setiap makhluk boleh dipanjang dan dipendekkan, jika Allah mengkehendakinya. Lantaran Allah itu maha berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu.

Jadi kesimpulannya – menurut pendapat kebanyakan ulama tafsir – lafaz-lafaz kalimah yang terkandung di dalam “Doa Nisfu Sha‘abān” itu adalah betul dan tidak bertentangan dengan makna dan maksud yang dituju oleh ayat di atas. Mereka bersandar kepada dalil-dalil dan hujah-hujah yang mengatakan bahawa ada segolongan para sahabat dan *tābi ‘īn* mereka pernah berdoa dan munajat ke hadrat Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* memohon supaya mereka dijadikan dari golongan orang-orang yang bahagia hidupnya di dunia dan di akhirat. Diriwayatkan daripada Saiyidina Umar Ibn al-Khattab *raḍīya Allahu ‘anhu* bahawa beliau pernah membaca doa ini sewaktu beliau sedang tawaf di Bayt Allah al-Ḥarām:

“*Allāhumma inni kunta katabī ‘alā shaqawatin aw dhunuban fāmihūha wāja ‘alḥa sa ‘ādatan wamaghfirah, fainnaka tamahū mā tashā ‘an watathbita wa ‘indika ummu al-kitāb*”*

*lafaz doa ini diriwayatkan daripada Ibn Mas‘ūd *raḍīya Allahu ‘anhu* dan dikeluarkan daripadanya oleh Ibn Abī Shaybah dan lainnya.

...Doa Nisfu Sha'abān

Erinya: “Ya Allah! Sekiranya Engkau telah tuliskan ke atasku kecelakaan atau dosa, maka hapuskanlah akan dia dan jadikanlah (gantilah) dengan kebahagiaan dan pengampunan, maka sesungguhnya Engkau berkuasa menghapuskan sesuatu yang Engkau kehendaki, serta menetapkan (mengekalkan) sesuatu yang Engkau kehendaki dan di sisiMu Ummu al-Kitāb.”

Selain daripada doa yang pernah dibaca oleh Saiyidina Umar ibn al-Khaṭṭāb seperti di atas, maka Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah pula membaca sepotong doa di dalam qunut. Inilah doanya:

“*waqinī sharramān qaḍayit*”. Ertinya:

“Dan lepaskanlah (peliharalah) aku daripada kejahatan yang telah engkau qadakkan (tentukan).” Kedua-dua lafaz doa yang telah dibacakan oleh Saiyidina Umar dan Nabi Muhammad di atas: ialah memohon kehadiran Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* supaya keduanya dilepaskan atau pun dipelihara daripada dosa dan kejahatan yang telah ditentukan Tuhan di alam azali.

Kalau sekiranya perkara-perkara yang telah ditentukan Tuhan di alam azali itu tidak boleh diubah-ubah, maka tentulah Saiyidina Umar dan Nabi tidak meminta supaya keduanya dipeliharakan daripada dosa dan kejahatan yang telah ditentukan Allah di alam azali itu.

Di Bahagian yang Lain:

Ada pun bahagian lain yang menyebabkan berlakunya persengketaan para ulama Islam ialah lafaz: “*Ilāhī bi al-tajallī al-a‘zami fī laylat al-nisfu min shahri*

sha‘bān al-mukarrami al-layl yufraqu fihā kullī amrin ḥakīm wayubramu.” Yang terkandung di bahagian terakhir dari “Doa Nisfu Sha‘abān” itu. Golongan para ulama yang menentang lafaz ini pula berkata: “Malam berkat yang diselesaikan (dihukumkan) tiap-tiap urusan yang kukuh (tetap yang telah ditentukan)” yang tersebut di dalam ayat (3-4) Surah al-Dukhān ini, bukanlah malam “Nisfu Sha‘abān”, tetapi yang sebenarnya ialah malam “*laylat al-qadar*” sebagaimana yang diterangkan oleh beberapa hadith nabi yang menyatakan bahawa “*laylat al-qadar*” yang tersebut di dalam ayat tersebut tujuannya ialah “*laylat al-qadar*” bukannya “*laylat nisf sha‘bān*”. Jadi tidak munasabahlah ayat itu dimasukkan di dalam “Doa Nisfu Sha‘abān”.

Sedangkan ‘Ikramat dan setengah daripada para ulama tafsir mengatakan yang dimaksudkan dengan “*laylat mubārakah*” di dalam ayat tersebut ialah “*laylat nisf sha‘bān*” bukan “*laylat al-qadar*”. Jadi mereka berpendapat memang sudah pada tempatnya ayat tersebut dijadikan sebahagian daripada “Doa Nisfu Sha‘abān”.

Hanya Masalah Khilafiyah:

Inilah dua pendapat yang bertentangan di antara satu sama lain yang menjadikan punca perbalahan di antara dua golongan ulama pada hari ini. *‘Alā kullī ḥal* persengketaan dalam masalah ini tidaklah begitu berat dan tidak sampai merosakkan iktikad dan iman seseorang yang bersengketa itu. Kerana ini bukanlah masalah akidah dan tauhid yang membawa golongan yang bersengketa itu terkeluar dari landasan akidah dan kepercayaan

terhadap Tuhan Yang Maha Esa. Masalah ini hanya termasuk di dalam bahagian masalah khilafiyah yang sering diperbangkitkan, dengan tak habis-habisnya oleh golongan orang-orang Islam hingga ke hari ini.

Di akhirnya kita berharap bahawa perselisihan faham yang seringnya ini semoga tidak akan membawa kepada perbalahan yang sampai tak dapat diatasi di sepanjang zaman. Lantaran perbalahan yang tidak berdasarkan tolak ansur untuk mencari hak dan kebenaran, sudah tentu akan menimbulkan suasana perpecahan di kalangan umat Islam sesama sendiri. Kita harus sedar bahawa kita umat Islam di hari ini sudah menjadi suatu umat yang lemah di dalam segala lapangan hidup, akibat dari tidak teguhnya ikatan perpaduan kita, hasil dari lenyapnya rasa persaudaraan dan semakin jauhnya kita dari memahami ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

Kembalilah ke Puncak Kemuliaan:

Maka untuk mengembalikan kita ke puncak kemuliaan hidup yang telah diwarisi oleh umat Islam di zaman silam, kita haruslah bersatu padu, perpaduan tidak akan tercapai selagi kita sesama sendiri berbalah, bersengketa dan berselisih faham di dalam perkara kecil, perkara khilafiyah yang memang tidak akan dapat dibongkar hakikat yang sebenarnya selagi perasaan tasamuh dan bertolak ansur tidak ditanamkan ke dalam jiwa masing-masing. Firman Allah:

...Doa Nisfu Sha‘abān

“Kuntum khayra ummatin ukhrijat linnāsi tak murūna bi al-ma‘rūf watanhawna ‘ani al-munkar, wa tu‘minūna bi Allāh.” Ertinya:

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang melakukan kejahatan serta beriman kepada Allah.” [Āli ‘Imrān ayat (110)]

Dengan memahami intisari dan hikmah-hikmah yang terkandung di dalam ayat di atas dengan sedalam-dalamnya, maka kita seharusnya membuktikan bahawa kita adalah suatu umat yang paling mulia dari umat-umat yang lain dilahirkan

Tuhan ke alam dunia. Bersatu padulah wahai umat Islam, supaya kita dapat kembali ke puncak keagungan dan kemuliaan umat Islam di zaman silam!

Doa Rasulullah :

Fadilat Al-Shaykh Mūsā Shāhīn Lāshīn seorang ulama al-Azhar yang terkenal di Mesir di dalam sebuah makalah agama mengenai “Doa Nisfu Sha‘abān” ini di dalam majalah Minbar Islam, beliau mengatakan:

“Alangkah baiknya bagi orang-orang Islam yang mengadakan “majlis-majlis membaca doa di Malam Nisfu Sha‘abān” itu menambahkan di akhir doa yang biasa mereka baca itu dengan satu doa yang sering kali dibaca oleh Rasulullah *ṣallā*

Allāhu ‘alayhi wa sallam. Doa itu berbunyi demikian:

“Allahumma aṣliḥ lī dīnī al-ladhī huwa ‘iṣmat amrī, wa aṣliḥ lī dunyāyi al-laṭī fthā ma ‘āshī, wa aṣliḥ lī ukhraṭī al-laṭī fthā ma ‘ādī, waj‘al al-ḥayāti ziyādat lī ft kulli khayr, waj‘al al-mawt rāḥat lī min kulli shar. Rabbanā ātinā fi al-dunyā ḥasanah wa ft al-ākhirati ḥasanah wa qinā ‘adhāba al-nār. Allāhumma infā ‘nī bimā ‘allamtanī wa ‘alamanī mā yanfa‘unī wazīdnī ‘ilmā.”

Kalau doa ini dibacakan untuk ramai maka tidaklah menjadi suatu kesalahan kita ubah setiap kalimah yang menunjukkan “*damīr mutakallim*” yang menunjukkan mufrad (seorang) itu ditukar kepada “*damīr mutakallimīn*” yang menunjukkan jamak (ramai).



Kota Beirut – Ibu negara Lubnan – yang indah dan berhawa dingin di sepanjang musim, adalah tempat tumpuan para pelancong yang datang dari seluruh dunia. Beirut adalah seindah-indah kota pelancong yang di seluruh Timur Tengah. Gambar ini diambil dari udara.